

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik peruntukan wang MARRIS yang telah diterima dan dibelanjakan dari 2014-2017?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan wang MARRIS digunakan mengikut panduan yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Statistik peruntukan wang MARRIS yang telah diterima dan dibelanjakan dari tahun 2014 hingga 2017 ditunjukkan seperti jadual berikut:-

Jadual 1:

Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) Tahun 2014 – 2017		
Tahun	Terimaan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2014	523,486,773.00	382,080,424.48
2015	468,774,527.00	770,845,072.69
2016	496,900,988.23	615,277,811.27
2017*	420,332,211.78	436,210,745.02
JUMLAH	1,909,494,500.01	2,204,414,053.46

Nota :

1. Data 2017 adalah sehingga 15 Oktober 2017.
2. Perbelanjaan melebihi terimaan adalah ditampung menerusi baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah MARRIS Negeri Selangor pada tahun terdahulu.
3. Data perbelanjaan merujuk kepada bayaran yang dicaj kepada Tabung Amanah MARRIS pada tahun semasa.
4. Terdapat bayaran kerja tahun 2014 yang dibuat bayaran pada tahun 2015.

- b) Seperti sedia maklum, peruntukan MARRIS adalah dikhususkan bagi tujuan penyelenggaraan Jalan Negeri sahaja. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri sentiasa memastikan wang MARRIS adalah digunakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) sahaja dengan melaksanakan langkah-langkah proaktif seperti berikut:-
- (i) Melaksanakan taklimat berhubung Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) untuk memberi pendedahan kepada agensi pelaksana;
 - (ii) Syarat pematuhan kepada Garis Panduan MARRIS dinyatakan dalam Surat Kelulusan Berbelanja sebagai ingatan kepada agensi pelaksana. Bermula pada tahun 2017, Perbendaharaan Negeri telah melaksanakan kaedah *Self-Regulate* di kalangan agensi pelaksana iaitu kawalan secara sendiri dalam pematuhan kepada skop MARRIS;
 - (iii) Menyemak dan meluluskan projek yang dirancang oleh agensi pelaksana menerusi data yang dikunci masuk ke dalam Sistem Pengurusan & Pemantauan Projek MARRIS atau juga disebut Sistem SMART MARRIS. Mana-mana projek yang dirancang dengan skop yang tidak dibenarkan seperti misalnya melibatkan kerja menaiktaraf akan ditolak;
 - (iv) Menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khusus bagi tajuk projek yang mematuhi skop dan garis panduan MARRIS sahaja; dan
 - (v) Baucer-baucer bayaran projek MARRIS bagi agensi yang menerima jurnal pukal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah (PDT) hanya akan diluluskan jika mematuhi skop dan garis panduan yang telah ditetapkan sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : HAIWAN LIAR

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tangkapan haiwan liar dari 2014-2017 mengikut PBT.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal peningkatan haiwan liar seperti anjing yang sering mengganggu ketenteraman awam?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tangkapan haiwan liar dari 2014-2017 mengikut PBT adalah seperti berikut:

TAHUN 2014

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM* KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLANG* KLANG
Kera	1225	4591	6506	2091	1163
Musang Pandan	58	25	31	48	7
Babi Hutan	36	130	45	73	-
Beruk	79	212	60	60	22
Ular Sawa	1	1	3	2	-
Lain-lain Ular	1	2	27	-	-
Biawak Air	3	1	1	-	1
Ular Tedung	2	-	17	1	-
Lotong Cengkung	4	8	290	11	15
Burung Hantu	2	2	9	-	1
Lotong Cenekah	-	5	-	-	19
Lain-lain spesies	-	-	-	4	-

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLANG*KLANG
Lain-lain burung	-	16	2	6	-
Burung Helang	-	1	-	1	1
Beruang	-	1	13	1	-
Tapir	-	1	-	1	-
Buaya	-	1	-	-	-
Kucing Batu	-	-	2	-	-
JUMLAH	1411	4997	7006	2299	1229

TAHUN 2015

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLANG*KLANG
Kera	948	3663	6576	1629	1634
Musang Pandan	20	14	8	16	2
Babi Hutan	11	117	26	24	-
Beruk	71	88	23	8	4
Ular Sawa	-	-	3	1	-
Lain-lain Ular	1	1	2	-	-
Biawak Air	2	1	-	-	-
Ular Tedung	2	-	10	-	-
Lotong Cengkung	1	-	215	2	-

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLANG*KLING
Burung Hantu	-	1	-	-	1
Lotong Cenekah	-	-	-	-	-
Lain-lain spesies	-	4	-	2	-
Lain-lain burung	-	-	2	-	-
Burung Helang	-	1	-	1	-
Beruang	-	1	10	-	-
Tapir	2	1	-	-	-
Memerang Licin	-	-	-	-	-
Buaya	1	1	-	-	-
Kucing Batu	2	0	1	-	-
JUMLAH	1061	3893	6876	1683	1641

TAHUN 2016

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLING*KLING
Kera	661	2356	4448	1282	914
Musang Pandan	6	5	16	15	2
Babi Hutan	4	7	13	23	-
Beruk	-	122	15	55	13

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLANG*KLING
Ular Sawa	1	-	-	-	-
Lain-lain Ular	-	-	2	-	-
Biawak Air	-	-	-	-	1
Ular Tedung	-	-	7	-	-
Lotong Cengkung	3	8	75	1	13
Burung Hantu	1	-	5	-	-
Lotong Cenekah	-	-	-	-	1
Lain-lain spesies	-	1	-	1	-
Beruang	-	-	1	-	-
JUMLAH	676	2499	4582	1377	944

TAHUN 2017- SEHINGGA OGOS

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLING*KLING
Kera	509	1299	3942	1061	815
Musang Pandan	23	13	1	7	1
Babi Hutan	10	3	12	22	-
Beruk	2	116	10	14	-
Ular Sawa	-	2	2	-	-

Spesies Hidupan Liar	DAERAH				
	PETALING *SHAH ALAM,PETALING JAYA, SUBANG JAYA,	LANGAT *KAJANG, AMPANG JAYA, KUALA LANGAT	SABAK BERNAM*KUALA SELANGOR, SABAK BERNAM,	HULU SELANGOR *SELAYANG, HULU SELANGOR	KLANG*KLANG
Lotong Cengkung	-	6	43	-	1
Burung Hantu	-	-	1	-	-
Lotong Cenekah	-	5	-	-	-
Lain-lain spesies	-	-	-	1	-
Burung Helang	-	-	2	-	-
JUMLAH	544	1444	4013	1105	817

b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengawal peningkatan haiwan liar seperti anjing dengan merujuk dan menggunakan pekeliling seperti berikut:

- i. Pengurusan haiwan terbiar peringkat PBT menggunakan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2014, Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diedarkan kepada semua PBT melalui surat bertarikh 4 Mac 2015; dan
- ii. Undang-Undang Kecil yang digunakan di PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : KARNIVAL SIHAT SELANGOR

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah karnival yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini mengikut DUN.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi membiayai karnival ini.
- c) Adakah karnival ini mencapai tahap yang telah ditetapkan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Program Karnival Sihat Selangor (KSS) telah dilaksanakan sejak tahun 2014 oleh Jawatankuasa Tetap Kesihatan bersama 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Semenjak 4 tahun pelaksanaannya, sebanyak 48 Program KSS telah dilaksanakan di seluruh negeri. Pelaksanaan KSS ini merupakan satu tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri untuk memberi kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat, cergas serta memupuk amalan bersenam dan beriadah di kalangan masyarakat. Antara pengisian program KSS adalah seperti berikut :
 - 1. Aktiviti Berjalan Kaki 10,000 Langkah;
 - 2. Aktiviti Kayuhan Jantungku;
 - 3. Aktiviti Senamrobik;
 - 4. Program Saringan Sihat Selangor (3S);
 - 5. Program Skim Peduli Sihat (SPS);
 - 6. Promosi Bantuan Sihat Selangor (BSS);
 - 7. Promosi kesihatan oleh JKNS;
 - 8. Pemeriksaan MAMOGRAM oleh MAKNA;
 - 9. Promosi pemakanan sihat;
 - 10. Program kesedaran Denggi;
 - 11. Program derma darah oleh Pusat Darah Negara / Hospital;
 - 12. Jualan produk-produk kesihatan; dan
 - 13. Penglibatan Pusat Berdaya Wanita (PWB).

- b) Sejak tahun 2014, setiap PBT menerima sebanyak RM10,000.00 setahun bagi menjayakan pelaksanaan Karnival Sihat Selangor iaitu sebanyak RM480,000.00 peruntukan telah disalurkan kepada PBT di Selangor.
- c) Sepanjang tempoh pelaksanaan KSS selama 4 tahun, sambutan masyarakat adalah begitu positif dan semakin meningkat dari tahun ke tahun terutama di kawasan luar bandar. Ini secara tidak langsung membuktikan pelaksanaan KSS ini berjaya menarik minat masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Anggaran jumlah peserta yang telah menyertai KSS sepanjang tempoh pelaksanaan adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH PESERTA (ORANG)			
	2014	2015	2016	SEHINGGA OKTOBER 2017
MBSA	1,000	1,400	2,500	2,500
MBPJ	1,000	1,500	1,800	1,700
MPK	550	900	1,600	3,000
MPSJ	500	650	1,237	1,200
MPAJ	500	500	800	800
MPKJ	1,200	1,400	1,800	1,800
MPS	600	450	350	400
MPSP	500	1,500	2,800	Belum dijalankan
MDKL	1,000	1,500	1,800	1,800
MDKS	200	782	1,300	Belum dijalankan
MDHS	500	600	1,000	Belum dijalankan
MDSB	1,500	2,000	4,000	4,000
JUMLAH KESELURUHAN	9,050	13,182	20,987	17,200

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang aktif dalam perniagaan sehingga kini?
- b) Senaraikan keuntungan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2014-2017.
- c) Berapakah jumlah dividen yang dibayar oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 2014-2017?

JAWAPAN:

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai 13 Anak Syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
3.	Tourism Selangor Sdn Bhd
4.	Communication Corporation Sdn Bhd
5.	Rantaian Mesra Sdn Bhd
6.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
7.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
8.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10.	Invest Selangor Berhad
11.	Yayasan Warisan Anak Selangor
12.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
13.	Yayasan Selangor

- a) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendefiniskan “perniagaan” sebagai suatu urusan berjual beli untuk mencari keuntungan dan perdagangan. Dalam konteks Kerajaan Negeri, hanya empat (4) sahaja daripada keseluruhan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang secara khusus menjalankan perniagaan dan bermotifkan keuntungan seperti senarai berikut:
- i. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
 - ii. Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)
 - iii. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)
 - iv. Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)
- b) Senarai keuntungan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang aktif dalam perniagaan bagi tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, data kewangan bagi tahun 2017 tidak dapat dinyatakan kerana masih diperingkat penyediaan akaun bulanan dan belum beraudit.
- c) Jumlah dividen yang dibayar oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 2014-2017 adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

Bil.	Anak Syarikat	Tahun Kewangan	Keuntungan / (Kerugian) Bersih Selepas Cukai (RM)	Catatan
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	2014	28,572,122.00	n/a
		2015	5,930,638.00	n/a
		2016	50,930,646.00	n/a
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)	2014	(805,800)	<p>BBGC tidak pernah merekodkan keuntungan sejak pengambilalihan oleh Kerajaan Negeri daripada Talam Corporation Berhad bagi menstrukturkan semula hutang Talam dengan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif penstrukturan semula sejak Jun 2010 di mana BBGC diserahkan kepada pihak ketiga melalui kontrak Pengurusan dan Operasi Kelab Golf.</p> <p>Mengikut kontrak tersebut, BBGC hanya menerima pendapatan tetap dalam bentuk sewaan bulanan sahaja. BBGC masih perlu menanggung kos-kos susutnilai, pembayaran balik pinjaman, cukai tanah dan cukai pintu, pembaharuan lesen-lesen perniagaan dan penggajian.</p> <p>Walaupun BBGC mencatatkan kerugian, namun melalui Perjanjian Pengurusan yang baru bersama pihak ketiga, BBGC masih dapat meneruskan perniagaan melalui kapasiti pelaburan yang telah dipersetujui bersama pihak ketiga. BBGC juga diberi jaminan untuk terus beroperasi</p>
		2015	(608,140)	
		2016	Belum Beraudit	

Bil.	Anak Syarikat	Tahun Kewangan	Keuntungan / (Kerugian) Bersih Selepas Cukai (RM)	Catatan
				<p>selama tempoh perjanjian. Pendapatan tetap yang diterima untuk tempoh 5 tahun pertama perjanjian ini akan di manfaatkan untuk pembayaran balik pinjaman kepada pemegang saham, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI) (Perjanjian Penyelesaian Hutang dan Duti Ad-Volarem).</p> <p>Penyata Kewangan BBGC bagi tahun 2016 masih belum diaudit kerana bermula pada tahun kewangan tersebut, BBGC perlu melakukan Peralihan terhadap Laporan kewangan daripada "Private Entity Reporting Standard" (PERS) kepada "Malaysian Financial Reporting Standard" (MFRS) dimana antara lain terdapat terminologi baru yang lebih terperinci dimasukkan didalam Laporan Audit Kewangan Syarikat.</p>
3.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	2014	23.4 juta	Peningkatan keuntungan pada tahun semasa adalah disebabkan oleh keuntungan ke atas penjualan pelaburan didalam syarikat bersekutu, Konsortium Jaringan Selangor Sdn Bhd dan pampasan diterima daripada pengambilan tanah oleh pihak berkuasa.
		2015	14.7 juta	Faktor utama keuntungan syarikat adalah disebabkan oleh pembalikan faedah terakru ke atas pinjaman Kerajaan Negeri pada tahun 2015.
		2016	3.7 juta	Pengurangan dividen diterima pada tahun semasa berbanding tahun

Bil.	Anak Syarikat	Tahun Kewangan	Keuntungan / (Kerugian) Bersih Selepas Cukai (RM)	Catatan
				sebelumnya.
4.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	2014	19.2 juta	KSSB melaporkan penurunan keuntungan bersih disebabkan penurunan jumlah transaksi jualan Syarikat berikutan kelembapan sektor pembinaan dan hartanah selain strategi penurunan harga jualan.
2015		15.6 juta		
2016		488.6 ribu		

LAMPIRAN B

c) Berapakah jumlah dividen yang dibayar oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 2014-2017?

Bil.	Anak Syarikat	Perincian Dividen	Jumlah Dividen 2014 (RM)	Jumlah Dividen 2015 (RM)	Jumlah Dividen 2016 (RM)	Sasaran Dividen 2017 (RM)
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
3.	Tourism Selangor Sdn Bhd	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
4.	Communication Corporation Sdn Bhd	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
5.	Rantaian Mesra Sdn Bhd	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
6.	Pendidikan Industri YS SB	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

Bil.	Anak Syarikat	Perincian Dividen	Jumlah Dividen 2014 (RM)	Jumlah Dividen 2015 (RM)	Jumlah Dividen 2016 (RM)	Sasaran Dividen 2017 (RM)
7.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	Pembayaran kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	48,864.00	66,079.00	81,358.09	15,000.00
8.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Pembayaran kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	10,700,000.00	7,200,000.00	N/A	N/A
10.	Invest Selangor	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
11.	Yayasan Selangor	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
12.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
13.	Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

Kerajaan Negeri tidak menyasarkan sebarang pembayaran dividen oleh Anak Syarikat kerana pembayaran dividen adalah bergantung kepada prestasi dan keuntungan yang diperolehi oleh Anak Syarikat masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sembilan (9) daripada 13 syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang tidak bermotifkan keuntungan seperti senarai berikut :-

Bil.	Anak Syarikat
1.	Tourism Selangor Sdn Bhd
2.	Communication Corporation Sdn Bhd
3.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd
4.	Pendidikan Industri YS SB
5.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
6.	Invest Selangor
7.	Yayasan Selangor
8.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
9.	Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor

Secara kesimpulannya, penubuhan Anak Syarikat oleh Kerajaan Negeri tidak semestinya dapat memberikan pulangan dalam bentuk keuntungan kepada Kerajaan Negeri. Justeru, jangkaan pembayaran dividen hanyalah terhad kepada Anak-Anak Syarikat yang bermotifkan keuntungan sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : USAHAWAN ANTARABANGSA

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan program bagi mengembangkan kemampuan usahawan tempatan ke peringkat antarabangsa?
- b) Senaraikan secara terperinci usahawan yang telah berjaya ke peringkat antarabangsa dengan bantuan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a) dan b)

Setiap tahun, salah satu usaha Kerajaan Negeri adalah untuk melahirkan usahawan berjaya yang memberi fokus bukan sahaja kepada bilangan usahawan tetapi proses sehingga mencapai tahap penembusan dan meluaskan pasaran antarabangsa (*market penetration and expansion*). Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri mengadakan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor (MIS)* kepada usahawan yang sudah bersedia untuk meluaskan pasaran ke pasar raya rantai dan ke peringkat antarabangsa. Program Pembungkusan Produk *MIS* ini telah dijalankan sejak tahun 2012 dan telah melibatkan seramai 79 usahawan Selangor. Sebelum ini, program Pembungkusan Produk *MIS* terbuka kepada usahawan di Tahap 1, di mana perniagaan yang diusahakan di dalam skala kecil hingga sederhana. Namun bermula tahun 2016, program Pembungkusan Produk *MIS* telah menekankan kepada usahawan di Tahap 3 di mana produk usahawan telah mempunyai pensijilan halal dan program ini menambahbaik tahap pembungkusan produk untuk ke arena antarabangsa. Beberapa siri bengkel dijalankan di mana modul program merangkumi keperluan teknikal, strategi penjenamaan, peraturan pelabelan dan pembungkusan, keperluan dan peningkatan teknologi, proses pendaftaran jenama dan *barcode* dan pembangunan asas kawalan kualiti ke arah pelaksanaan GMP dan persijilan Halal Malaysia. Hasil daripada penyertaan program Pembungkusan Produk *MIS* ini, produk usahawan akan mencapai piawaian dan standard untuk dipasarkan bukan sahaja ke pasaran tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan *platform* promosi dengan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah Syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd yang menghasilkan produk kerepek *seaweed* jenama *Teego* semasa pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016. Syarikat ini telah memperolehi kontrak pembekalan ke 3 buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun. Pada PIHEC 2017 yang berlangsung pada 24 - 26 Februari 2017, Syarikat Dhuha Tensai Resources yang menjual makanan Korea telah mendapat tempahan daripada Singapura. Manakala syarikat Bio-Haruantech (M) Sdn. Bhd. di bawah label Rezza Brand yang menjual pelbagai produk mi segera telah mendapat tempahan daripada Singapura, Brunei, Hong Kong, China dan Korea. Selain itu, pada MIHAS 2017 yang berlangsung pada 5 - 8 April 2017, Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan daripada Singapore, Vietnam, China dan kini sedang dalam perbincangan bersama syarikat daripada United Kingdom.

Pada tahun ini, buat pertama kali Kerajaan Negeri telah menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO) 2017* pada 12 hingga 15 September 2017 di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R. China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) memandangkan badan ini berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia. Seramai lima (5) usahawan yang mempunyai produk yang boleh dikembangkan ke pasaran luar telah dipilih mewakili Negeri Selangor. Pada pameran ini, sekurang-kurangnya 2 hingga 6 syarikat China telah menunjukkan minat terhadap produk usahawan Negeri Selangor. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Usahawan	Syarikat China	Anggaran nilai kontrak
1.	AOM Foods Industri	<ul style="list-style-type: none"> i) Shanghai Tuopu ii) Guangxi Mingtianyuan iii) Guangzhou Shikang iv) Di Rui Fan Import v) Suifenhe Weichang Economic and Trade Co.Ltd. 	RM500,000.00
2.	Palm Fiber Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> i) China Finance Industry Group ii) Guangxi Association of Import and Export iii) Guangzhou Shikang iv) Di Rui Fan Import v) Suifenhe Weichang Economic and Trade Co.Ltd. 	RM500,000.00
3.	Kolam Emas Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> i) Guangzhaou Everbright ii) Guangzhaou Shour 	Tiada maklumat
4.	Yusa Food And Industries	<ul style="list-style-type: none"> i) Zao Bin Xin ii) Guangzhaou Shour iii) Shanghai Miss Durian Food Co. Ltd. 	RM10,000,000.00
5.	EMZ Enterprise	<ul style="list-style-type: none"> i) Guangxi Association of Import and Export ii) Inner Mongolia Research Institute for Scientific Development of Convention and Exhibiton Economy 	Tiada maklumat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEROBOHAN BUKIT BROGA

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan secara lengkap hasil siasatan Kerajaan Negeri mengenai pencerobohan tanah di Bukit Broga, Semenyih baru-baru ini.
- b) Mengapa penceroboh tidak dikenakan tindakan dan apakah status pemulihan terkini?
- c) Apakah langkah yang diambil supaya masalah pencerobohan di bukit itu tidak lagi berlaku?

JAWAPAN:

- a) Tapak yang diceroboh merupakan Tanah Kerajaan di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat **seluas lebih kurang 143 ekar**. Di sekitar tapak merupakan tanah 'Sakai Dusun' (lebih kurang 1 ekar) di bahagian barat laut dan di bahagian barat daya merupakan 'Sakai Land Fruit Trees' (lebih kurang 30 ekar).

Lawatan tapak Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat bersama pihak Majlis Perbandaran Kajang yang disertai oleh Pegawai Pejabat Yang Berhormat Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Penyelaras DUN Semenyih, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dan pada 2 Ogos 2017 mendapati bahawa penerokaan tersebut merupakan **Program Tanaman Semula Getah Secara Berkelompok Kampung Orang Asli (KOA) Broga**.

Program tersebut diselaraskan oleh **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Hulu Langat** melalui **Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Stesen Selangor Selatan** dan melibatkan 43 orang peserta dari Kampung Orang Asli Broga.

Pengusaha orang asli mendakwa bahawa tapak tersebut merupakan **Kawasan Rayau dan dusun** yang diusahakan oleh generasi terdahulu mereka.

b) Pentadbir Tanah Hulu Langat telah mengambil tindakan berikut terhadap penceroboh:

- i. Ketua KOA Broga telah diarahkan untuk **menghentikan kerja-kerja di tapak** ketika sesi lawatan bersama pihak Majlis Perbandaran Kajang yang disertai oleh Pegawai Pejabat Yang Berhormat Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Penyelaras DUN Semenyih, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah pada 2 Ogos 2017; dan
- ii. **surat peringatan** dikeluarkan kepada pihak JAKOA pada 6 Ogos 2017 supaya tidak meneruskan aktiviti penerokaan.

Perkara ini juga telah diangkat dan dibincangkan di dalam **Mesyuarat EXCO-MTES pada 17 Ogos 2017 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 28/ 2017 pada 30 Ogos 2017** yang antara lainnya bersetuju tindakan pemulihan seperti berikut:

- i. supaya Bukit Broga **ditutup sementara** kepada orang ramai daripada aktiviti rekreasi dan pelancongan sehingga JKR Selangor selesai melaksanakan kerja-kerja mitigasi;
- ii. meluluskan peruntukan segera kepada JKR Selangor bagi **melaksanakan langkah mitigasi** iaitu membina longkang tanah sementara bagi mengalirkan air hujan dan seterusnya melaksanakan kerja-kerja pembinaan *berm drain* dan *cascade drain* serta menanam rumput di teres yang telah terhakis dengan kaedah *close turfing*;
- iii. meluluskan secara dasar peruntukan sebanyak RM 90,375.00 bagi **kerja-kerja pengindahan lanskap** setelah kerja-kerja mitigasi oleh JKR Selangor siap.

JKR Hulu Langat telah meluluskan **Projek Pencegahan Hakisan Cerun Di Bukit Broga, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan** dengan harga kontrak berjumlah RM901,000.00 (termasuk 6% GST) dengan tempoh siap dua (2) bulan.

Kontraktor yang dilantik telah memulakan kerja pembersihan kawasan tebing bagi kerja-kerja pemasangan *Fibromat* sebelum kerja-kerja *Hydroseeding* dimulakan.

- c) Untuk mengelakkan pencerobohan di Bukit Broga, **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 28/ 2017 pada 30 Ogos 2017** telah bersetuju seperti berikut:
- i. supaya PTD Hulu Langat mewartakan tanah kerajaan seluas lebih kurang 143 ekar yang diteroka sebagai kawasan rekreasi dengan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pengawal dan Majlis Perbandaran Kajang sebagai Pegawai Penyelenggara; dan
 - ii. supaya JAKOA mendapatkan ukuran sebenar lot tanah *Sakai Dusun* dan *Sakai Land Fruit Trees* dan mengemukakan permohonan pewartaan kepada PTD Hulu Langat.

Pihak MPKj dan JAKOA masing-masing dalam tindakan untuk mengemukakan permohonan pewartaan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENIAGA KECIL DAN GERAI TANPA PERMIT

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah premis tidak berpermit yang telah diambil tindakan oleh PBT dari tahun 2014 hingga kini.
- b) Adakah terdapat perbezaan tindakan kepada peniaga rakyat tempatan dengan warga asing?
- c) Adakah terdapat sebarang proses rundingan atau jalan penyelesaian lain sebelum penguatkuasaan dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah premis tidak berpermit yang telah diambil tindakan oleh PBT dari tahun 2014 hingga kini adalah sebanyak 52,225 premis. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1 : Jumlah premis tidak berpermit yang telah diambil tindakan oleh PBT dari tahun 2014 hingga 2017

BIL	PBT	TAHUN	JUMLAH PREMIS TIDAK BERLESEN/PERMIT
1.	MBSA	2014	1,360
		2015	1,483
		2016	839
		Sehingga Oktober 2017	1,220
2.	MBPJ	2014	3,634
		2015	3,753
		2016	4,105
		Sehingga Oktober 2017	3,883
3.	MPK	2014	1,255
		2015	1,117
		2016	1,516
		Sehingga Oktober 2017	957

BIL	PBT	TAHUN	JUMLAH PREMIS TIDAK BERLESEN/PERMIT
4.	MPAJ	2014	1,002
		2015	1,100
		2016	1,293
		Sehingga Oktober 2017	0
5.	MPSJ	2014	651
		2015	896
		2016	642
		Sehingga Oktober 2017	325
6.	MPS	2014	678
		2015	780
		2016	653
		Sehingga Oktober 2017	455
7.	MPKJ	2014	1,179
		2015	1,168
		2016	1,302
		Sehingga Oktober 2017	834
8.	MPSP	2014	342
		2015	394
		2016	201
		Sehingga Oktober 2017	319
9.	MDKL	2014	1,492
		2015	1,835
		2016	1,981
		Sehingga Oktober 2017	1,560
10.	MDHS	2014	0
		2015	0
		2016	0
		Sehingga Oktober 2017	0
11.	MDKS	2014	1,057
		2015	1,141
		2016	1,568
		Sehingga Oktober 2017	1,136
12.	MDSB	2014	233
		2015	286
		2016	251
		Sehingga Oktober 2017	349
JUMLAH KESELURUHAN			52,225

Nota : Sumber data daripada PBT

b) dan c)

Peniaga warga asing tidak diberikan lesen berniaga kerana tidak layak untuk memohon lesen perniagaan. Sekiranya peniaga warga asing didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen, tindakan sitaan akan dibuat serta merta dan barang perniagaan yang dirampas akan dilupuskan setelah 30 hari simpanan.

Bagi peniaga rakyat tempatan, tindakan penguatkuasaan akan melalui tiga (3) fasa iaitu:-

Fasa 1: Notis Amaran

Peniaga akan diberikan tempoh waktu yang mencukupi bagi peniaga membuat permohonan lesen melalui Notis Amaran tersebut. Jika gagal mendapatkan lesen melalui Notis Amaran tersebut. Jika gagal mendapatkan lesen daripada PBT maka peniaga harus menutup premis dengan rela hati atau PBT boleh mengarahkan peniaga berpindah ke lokasi lain yang lebih sesuai untuk diberi lesen. Ini bermakna peniaga rakyat tempatan berpeluang mendapatkan lesen bagi perniagaan.

Fasa 2: Notis Kesalahan

Jika peniaga masih berdegil dan masih menjalankan perniagaan tanpa lesen maka kompaun akan dikeluarkan keatas peniaga, peniaga boleh dikompaun maksima RM1000.00.

Fasa 3: Sitaan barang perniagaan

Tindakan terakhir jika masih berdegil, barang perniagaan akan disita dan disimpan di setor PBT. Barang perniagaan akan dilupuskan setelah simpanan 30 hari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN ISLAM

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tanah perkuburan Islam di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan semua tanah perkuburan terurus dan terpelihara?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tanah perkuburan Islam di Selangor mengikut PBT adalah sebanyak 388 kawasan.

PBT	JUMLAH TANAH PERKUBURAN BERDAFTAR
MBSA	4
MBPJ	2
MPK	39
MPAJ	11
MPSJ	41
MPS	15
MPKJ	37
MPSp	41
MDKL	73
MDHS	44
MDKS	39
MDSB	42
JUMLAH	388

b) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan semua tanah perkuburan terurus dan terpelihara adalah:

- 1) Dengan memastikan syarat yang ditetapkan oleh PBT dan JAIS dipatuhi sepenuhnya.
- 2) Menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan kawasan-kawasan perkuburan tersebut melalui tabung amanah kubur Negeri Selangor.
- 3) Mewujudkan Unit Tanah Kubur bagi memantau semua tanah perkuburan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : RUMAH URUT

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini rumah urut berlesen dan tidak berlesen di Selangor mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah rumah urut yang telah berjaya ditutup dari 2008 sehingga kini mengikut PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah membekukan semua permohonan baru bagi lesen perniagaan penjagaan kesihatan (Urutan Traditional) dari tahun 2008 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil.5/2008. Selain daripada itu, PBT turut mengadakan operasi bersepadu bersama lain-lain agensi seperti PDRM, Imigresen, JAIS dan lain-lain dari masa ke semasa bagi mengekang penularan rumah urut di Selangor khususnya.

Statistik terkini **rumah urut berlesen adalah sebanyak 439 premis** dan **tidak berlesen adalah sebanyak 151 premis**. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Statistik terkini rumah urut berlesen dan tidak berlesen di Selangor mengikut PBT

PBT	RUMAH URUT BERLESEN	RUMAH URUT TIDAK BERLESEN	JUMLAH RUMAH URUT DITUTUP 2008-2017
MBSA	80	19	36
MBPJ	53	49	148
MPK	27	30	0
MPAJ	26	9	74
MPSJ	21	0	705
MPS	22	24	0

PBT	RUMAH URUT BERLESEN	RUMAH URUT TIDAK BERLESEN	JUMLAH RUMAH URUT DITUTUP 2008- 2017
MPKj	66	0	73
MPSp	1	0	0
MDKL	84	9	83
MDHS	38	0	1
MDKS	7	11	6
MDSB	14	0	2
JUMLAH	439	151	1128

Nota : Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENGAMBILALIHAN SEMULA TANAH SYARIKAT SWASTA

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pengambilalihan tanah oleh Kerajaan Negeri terhadap Syarikat LBCN Development Sdn. Bhd. dan Mujur Zaman Sdn. Bhd. di Daerah Kuala Selangor?
- b) Berapakah jumlah keluasan tanah yang terlibat?
- c) Apakah manfaat yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari pengambilalihan tanah ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 melibatkan 7 daripada 8 hak milik ke atas projek Alam Perdana di bawah Syarikat LBCN Development Sdn Bhd bagi menyelesaikan projek terbengkalai sebanyak 4,461 unit yang terdiri daripada 1,318 unit rumah teres 1 & 2 tingkat dan 2,500 unit rumah kos rendah. Pada 3 November 2011, Borang K iaitu Notis bahawa tanah telah diambil milik secara rasmi di bawah seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dikeluarkan dan diwartakan sebagai Tanah Kerajaan pada 8 November 2011. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan tindakan perampasan tanah bagi 1 hak milik di Alam Perdana yang merupakan tapak bagi 643 lot banglo namun pihak LBCN Sdn Bhd telah memfailkan permohonan di Mahkamah bagi menghalang tanah tersebut daripada dirampas.

Bagi projek Alam Mutiara di bawah Syarikat Mujur Zaman Sdn Bhd, tindakan pengambilan tanah tidak diteruskan memandangkan pihak Mujur Zaman Sdn. Bhd. telah memfailkan ke Mahkamah bagi menghalang pihak Kerajaan Negeri meneruskan tindakan pengambilan tanah bagi projek tersebut. Justeru itu, satu penyelesaian telah dibuat melalui resolusi rundingan alternatif (*alternative resolution dispute*) di Mahkamah di mana kesemua saman yang difailkan oleh kedua-ke dua syarikat ini di Mahkamah telah pun ditarik balik oleh pihak-pihak tersebut. Kesemua pihak yang terlibat bersetuju dan akur terhadap satu

penghakiman persetujuan di mana kesemua terma-terma persetujuan secara global (*global settlement*) telah direkodkan bagi dilaksanakan oleh pihak-pihak terlibat.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, luas keseluruhan pengambilan tanah yang terlibat bagi 7 hak milik bagi projek Alam Perdana adalah berjumlah 1,077.28 ekar manakala proses pengambilan tanah bagi projek Alam Mutiara yang berkeluasan 1,774.54 ekar tidak diteruskan disebabkan terdapat kes yang difailkan oleh pihak Mujur Zaman Sdn Bhd di Mahkamah.

- c) Tindakan Kerajaan Negeri untuk memulakan tindakan pengambilan tanah terhadap hak milik-hak milik di bawah Tetuan LBCN Development Sdn Bhd telah membawa kepada satu penyelesaian secara holistik dan menyeluruh bagi keseluruhan pembangunan di Bandar Alam Perdana dan melibatkan tanah seluas 1,077.28 ekar. Melalui tindakan pengambilan dan proses mahkamah yang dilalui, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan masalah projek perumahan yang telah diisytiharkan sebagai terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak dari tahun 2006. Melalui tindakan pengambilan tersebut, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pemberimilikan semula 7 hak milik tanah yang diambil kepada Menteri Besar Incorporated (MBI) bertujuan untuk melakukan pemulihan projek terbengkalai dan ini termasuk menguruskan proses tukar syarat tanah dan pengeluaran hak milik individu. Tindakan ini ternyata berjaya apabila pemulihan tersebut berjaya disiapkan dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (CF) dan unit-unit rumah tersebut kemudiannya diserahkan kepada peneroka dan pembeli-pembeli rumah yang terlibat seramai 4,461 orang terdiri daripada 1,318 pembeli rumah teres 1 & 2 tingkat 2,500 pembeli rumah kos rendah serta 383 orang peneroka di mana mereka telah mendapat rumah sepertimana yang dijanjikan apabila penyerahan milikan kosong mula bermula daripada April 2014. Selain daripada itu juga melalui tindakan pengambilan dan proses mahkamah yang dilalui, Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat telah berjaya membuat penyelesaian secara holistik bagi segala permasalahan melibatkan peneroka dan pembeli-pembeli rumah bagi hak milik-hak milik bersebelahan yang dibangunkan oleh Tetuan Mujur Zaman Sdn Bhd melalui penghakiman persetujuan yang direkodkan bertarikh 17 Mei 2016 yang mana terma-terma penghakiman tersebut memberikan keadilan dan situasi menang-menang kepada semua pihak yang terlibat. Melalui penyelesaian secara holistik ini, seramai 712 orang peneroka bakal mendapat sebuah rumah dua tingkat berserta pampasan diberikan kepada setiap peneroka yang terlibat. Manakala pembangunan perumahan baru yang dibangunkan oleh pemaju baru di hak milik-hak milik tersebut akan menawarkan 11,709 unit rumah kepada pemilik baru di kawasan tersebut di mana daripada jumlah tersebut 4289 unit telah ditetapkan bagi Rumah Selangorku. Pembangunan

di kawasan tersebut juga akan turut dilengkapi dengan kemudahan awam seperti sekolah dan masjid serta kemudahan komersil seperti kedai dan kompleks perniagaan. Secara tidak langsung, sasaran Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat di Selangor adalah tercapai dan ini juga akan turut mendorong penjanaan ekonomi negeri selaras dengan pembangunan pesat pembangunan kawasan tersebut yang turut akan menarik perhatian peniaga dan pelabur untuk turut sama bersama-sama menyumbang kepada penjanaan pendapatan ekonomi negeri khususnya di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KUTIPAN HASIL MPKj

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sepanjang lima tahun lalu, sebanyak mana hasil yang dikutip oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melalui pelbagai jenis cukai yang berkuat kuasa
- b) Apakah anggaran pendapatan melalui kutipan hasil pada 2018?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang lima tahun lalu, hasil cukai taksiran yang dikutip oleh pihak MPKj adalah seperti berikut:

Perkara	Tahun 2013	Tahun 2014	Tahun 2015	Tahun 2016	Tahun 2017*
Hasil Cukai Taksiran	RM84,063,324.00	RM88,267,055.00	RM92,256,975.00	RM89,836,394.00	RM94,188,337.00

*Berdasarkan laporan yang belum beraudit. Bagi tahun 2017, laporan adalah sehingga Sept 2017

b)

PBT	Anggaran Hasil 2018 (RM JUTA)
MPKj	RM 207.61 Juta

Nota:*Maklumat di atas adalah tidak beraudit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK LRT 3

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan projek tersebut?
- b) Nyatakan peranan Kerajaan Negeri dalam menjayakan projek ini?

JAWAPAN:

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan projek Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit* -LRT) Laluan 3 dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang. Soalan-soalan tersebut datangnyanya dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
	Seri Andalas	SISTEM PENGANGKUTAN LRT3 a) Adakah Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan telah menerima permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi pembinaan Projek LRT3? b) Adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan mana-mana tanah kerajaan untuk digunapakai dalam pembinaan Projek LRT3?

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil dan Yang Berhormat Seri Andalas berhubung status pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit* -LRT) Laluan 3 dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang.

a)

1. Pembinaan projek LRT3 merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang telah diberikan kepada Prasarana Malaysia Berhad selaku pemaju projek yang dilantik.
2. Projek LRT3 sepanjang 37 kilometer bermula dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang melibatkan tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

3. Status terkini pelaksanaan projek LRT3 adalah seperti berikut:

(a) Proses Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A bagi jajaran LRT3 mengikut PBT.

(1) Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Ke 1/2017 yang diadakan pada 11 Januari 2017 yang telah disahkan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 2/2017 pada 18 Januari 2017, Kerajaan Negeri telah menimbang dan bersetuju supaya pengemukakan permohonan bagi cadangan stesen dan bangunan untuk projek LRT3 diproses melalui kaedah Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172); dan

(2) Kelulusan Permohonan Secara Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi jajaran di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah diperolehi pada 23 Febuari 2017. Manakala Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menetapkan syarat keperluan mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) untuk jajaran.

(b) Pada masa ini, kesemua permohonan kelulusan pelan telah dikemukakan melalui Pusat Khidmat Setempat (One Stop Centre, OSC) di ketiga-tiga PBT tersebut. Manakala status permohonan Kebenaran Merancang (KM) di ketiga-tiga PBT adalah seperti berikut:

1. Majlis Bandaraya Shah Alam

a. Kelulusan dasar (bersyarat) bagi Kebenaran Merancang untuk jajaran dan lapan (8) buah stesen LRT3 telah diperolehi pada 18 Ogos 2017 dan 29 September 2017; dan

- b. Pelan Kerja Tanah bagi jajaran telah dikemukakan pada 15 September 2017.
- 2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - a. Permohonan Kebenaran Merancang belum dikemukakan; dan
 - b. Pelan Kerja Tanah bagi jajaran telah dikemukakan pada 28 Ogos 2017.
- 3. Majlis Perbandaran Klang
 - a. Arahan Pematuhan (lulus bersyarat) telah diperolehi bagi Kebenaran Merancang untuk tujuh (7) buah stesen dan Depoh Johan Setia pada 11 September 2017 dan 4 Oktober 2017; dan
 - b. Pelan Kerja Tanah bagi jajaran telah dikemukakan pada 5 Julai 2017.

Status bagi Proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, adalah seperti berikut:

- (1) Bagi pengambilan tanah di bawah pentadbiran Pejabat Tanah & Daerah Klang:
 - a. Sebanyak 125 lot tanah hakmilik persendirian dan 49 lot tanah hakmilik kerajaan yang terlibat iaitu 46 lot hakmilik Kerajaan Negeri dan 3 lot hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan serta. Sesi pendengaran / siasatan untuk kali ke-3 telah berlangsung dari 19 hingga 30 Oktober 2017.
 - b. Permohonan pengambilan telah dikemukakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) Negeri Selangor kepada Pejabat Tanah & Daerah Klang pada 6 Januari 2017. Permohonan pengambilan ini telah diluluskan pada 6 Februari 2017.
 - c. Pengambilan tanah bagi Seksyen 4 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi daerah Klang telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No.304 pada 22 Januari 2016. Susulan daripada itu, dua (2) permohonan pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta

Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) telah dikemukakan dan telah diwartakan seperti berikut:

- (i) Depot LRT3 Johan Setia melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 598 pada 25 Februari 2016.
 - (ii) Jajaran di dalam daerah Klang melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 639 pada 16 Februari 2017.
- d. Bagi pengambilan tanah di kawasan Depoh LRT3 di Johan Setia, sebanyak 161 daripada 167 lot telah selesai dan menerima Borang K daripada Pejabat Tanah dan Daerah Klang. Kesemua 167 lot tanah tersebut merupakan tanah hakmilik persendirian.
- (2) Bagi pengambilan tanah di bawah pentadbiran Pejabat Tanah & Daerah Petaling:
- a. Sebanyak 70 lot tanah hakmilik persendirian dan 49 lot tanah hakmilik kerajaan yang terlibat iaitu 45 lot tanah hakmilik Kerajaan Negeri dan 4 lot tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Sesi pendengaran / siasatan untuk kali ke-2 telah selesai diadakan pada 11 hingga 23 September 2017.
 - b. Permohonan pengambilan telah dikemukakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) Negeri Selangor kepada Pejabat Tanah & Daerah Petaling pada 17 Januari 2017. Permohonan pengambilan ini telah diluluskan pada 15 Februari 2017.
 - c. Pengambilan tanah bagi Seksyen 4 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi daerah Petaling telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No.305 pada 22 Januari 2016. Susulan daripada itu, pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 658 pada 23 Februari 2017.

(b) Pelantikan kontraktor

- (1) Kontraktor utama telah dilantik pada Mac 2017 bagi Depoh di Johan Setia manakala kontraktor utama bagi Centralized Labour Quarters (CLQ) di Johan Setia dilantik pada Januari 2017.
- (2) Sehingga 18 Oktober 2017, Prasarana Malaysia Berhad telah melantik sebanyak lapan (8) kontraktor pakej kerja utama (Work Package Contractor, WPC).

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, peranan Kerajaan Negeri adalah mempertimbangkan dan meluluskan proses pengambilan balik tanah berdasarkan cadangan jajaran serta memberikan kelulusan jajaran yang melalui Negeri Selangor. Pelaksanaan dan pemantauan kepada kerja-kerja pembangunan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan projek ini dapat berjalan dengan mematuhi peraturan dan akta yang berkuatkuasa iaitu Proses Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi kelulusan jajaran dan stesen / depoh / depoh bas. Kerajaan Negeri turut mewujudkan Jawatankuasa Pemandu Projek LRT3 yang dipengerusikan oleh EXCO Pengangkutan Negeri Selangor bagi menyelaras isu-isu berbangkit projek LRT3 bersama Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat termasuk Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI) bagi penyelarasan berhubung isu-isu berkaitan rumah-rumah ibadat selain Islam yang terlibat di sepanjang jajaran projek LRT3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : AKTIVITI PENGELUARAN PASIR SUNGAI DI SUNGAI SELANGOR

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat keselamatan yang telah ditentukan oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kepada pihak pengusaha pengorekan pasir sungai di Batu 8, Kampung Asahan Kuala Selangor untuk menjamin untuk berlakunya ban pecah?

JAWAPAN:

- a) Syarat-syarat keselamatan yang telah ditentukan oleh LUAS kepada pihak pengusaha pasir adalah seperti berikut:
- i. Pemegang Kebenaran bertulis hanya dibenarkan menjalankan pengorekan pasir di sepertiga tengah sungai;
 - ii. Pemegang Kebenaran Bertulis hanya dibenarkan mengambil pasir tidak melebihi 1m berdasarkan lebar sungai aiiitu 20m hingga 50m;
 - iii. Pemegang Kebenaran bertulis dikehendaki memastikan kedudukan 'stockpile'pasir perlulah sekurang-kurangnya 30m dari tebing sungai;
 - iv. Pemegang Kebenaran Bertulis dikehendaki memastikan kecerunan tebing sungai dikekalkan pada nisbah 1:3 untuk mengelakkan hakisan;
 - v. Pemegang Kebenaran Bertulis hendaklah memastikan kerja-kerja di tapak dilakukan dengan cara dan kaedah yang tidak menyebabkan pencemaran kepada sumber air atau kerosakan kepada tebing dan persekitaran sumber air itu, melainkan dengan persetujuan bertulis Pengarah. Pencemaran yang dimaksudkan adalah pelanggaran mana-mana had piawaian bagi parameter yang telah ditetapkan menurut mana-mana undang-undang bertulis;
 - vi. Mana-mana kerosakan kepada tebing atau persekitaran kepada sumber air yang telah berlaku semasa tempoh kerja-kerja di tapak hendaklah dimaklumkan kepada pihak Lembaga dan kemudiannya dipulihkan dan diperbaiki kepada tahap yang memuaskan pihak Lembaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

**TAJUK : MASALAH LALAT DAN BAU KURANG MENYENANGKAN DARI KILANG
AYAM TELUR DI KAMPUNG SIMPANG TIGA JERAM**

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah kebanjiran lalat dan bau kurang enak yang terpaksa dihadapi penduduk sekitar kilang ayam telur di Kampung Simpang Tiga Jeram. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak MDKS pernah menjalankan operasi secara dalaman dan juga bersepadu terhadap kilang tersebut. Pihak MDKS telah mengeluarkan notis dan mengeluarkan kompaun di bawah seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan.

MDKS dan Jabatan-jabatan berkaitan termasuk JAS telah mengenakan syarat-syarat dan piawaian kepada pemilik premis untuk dipatuhi dalam tempoh 6 bulan dari tarikh 20.9.2017. Sekiranya pemilik premis gagal mematuhi syarat dan piawaian tersebut tindakan selanjutnya akan diambil dengan menimbang semula keputusan Kebenaran Merancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN LONGKANG DAN SISTEM PERPARITAN
DI KAWASAN PERUMAHAN SEKITAR PEKAN TANJONG KARANG**

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah pemantauan pihak PBT terhadap penyelenggaraan berkala longkang dan saliran di kawasan perumahan sekitar pekan Tanjong Karang yang keadaannya kelihatan tidak di selenggara dengan baik?
- b) Berapakah jumlah peruntukan untuk menyelenggara dan membaik pulih longkang di kawasan perumahan sekitar Tanjong Karang?

JAWAPAN:

- a) Penyelenggaraan longkang-longkang di kawasan pekan dan kawasan perumahan dalam kawasan operasi Majlis Daerah Kuala Selangor dilakukan dengan kekerapan 2 bulan sekali.

Kerja-kerja penyelenggaraan longkang ini dipantau oleh penyelia-penyelia kawasan yang ditempatkan mengikut zon-zon yang ditentukan.

Bagi tujuan ini, setiap kontraktor pembersihan kawasan dimestikan mengemukakan jadual penyelenggaraan longkang bagi kawasan perumahan jagaan masing-masing. Penyelia yang dipertanggungjawabkan oleh MDKS akan memastikan jadual penyelenggaraan longkang dipatuhi oleh kontraktor.

Sekiranya pihak kontraktor gagal mematuhi jadual yang dipersetujui, mereka akan dikenakan tindakan pemotongan bayaran bulanan berserta dengan denda sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan yang serius terhadap keadaan longkang yang perlu penyelenggaraan segera, ianya tetap akan dilakukan walaupun berada di luar jadual yang ditetapkan.

Suka dimaklumkan bahawa bermula 1 Mac 2017 sebanyak enam (6) Notis Tindakan Pembetulan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor pembersihan kawasan Tanjong Karang dengan jumlah denda yang dikenakan sebanyak RM2,278.00.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan merangkumi kegagalan mengemukakan jadual kerja, tidak mengutip sampah selepas mesin rumput dan kerja-kerja pemotongan tidak dilakukan.

- b) Pihak MDKS memperuntukkan sejumlah RM259,000.00 bagi memperbaiki Penyelenggaraan Parit dan Longkang secara keseluruhan. Penyelenggaraan adalah melalui permohonan , aduan , lawatan oleh pihak Jabatan dan cadangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN SALIRAN

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kerapkah penyelenggaraan Sungai Semenyih, Sungai Sompoo dan sungai-sungai lain dilakukan sepanjang tahun 2016 dan 2017 dan apakah kaedah untuk mengurangkan masalah banjir kilat?
- b) Berapa banyak perbelanjaan yang digunakan untuk menyelenggara sungai, longkang dan parit dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang?

JAWAPAN:

- a) Kekerapan penyelenggaraan Sungai Semenyih, Sungai Sompoo dan sungai-sungai lain dilakukan sepanjang tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:
 1. Pada tahun 2016, kerja berkala penyelenggaraan bagi rizab parit utama Sungai Semenyih, rizab Sungai Semenyih dan sungai Purun serta Sungai Sompoo dan Sungai Beranang telah dibuat yang melibatkan kos sebanyak RM 186,136.42. Manakala bagi tahun 2017 pula, kerja berkala penyelenggaraan di rizab sungai Semenyih dan sungai Purun serta rizab Sungai Sompoo dan Sungai Jai telah dibuat dan melibatkan kos sebanyak RM 135,540.00. Kerja penyelenggaraan ini melibatkan kerja-kerja pemotongan rumput di sepanjang rizab sungai dan parit dan dibuat sebanyak 12 pusingan setahun.
 2. Bagi kerja inden pula, sebanyak 11 kerja kecil telah dibuat pada tahun 2016 untuk penyelenggaraan sungai-sungai kecil di daerah Hulu Langat yang melibatkan kos sebanyak RM 197,555.00. Manakala pada tahun 2017 pula, sebanyak 6 kerja kecil telah dikeluarkan untuk penyelenggaraan sungai yang melibatkan kos sebanyak RM 111,900.00.
 3. Selain kerja-kerja penyelenggaraan, terdapat juga kerja menaik taraf Sungai Semenyih iaitu Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Semenyih yang telah bermula pada 1 November 2016 dan dijangka siap pada 4 April 2018 dengan kos sebanyak RM 4,754,100.00.

Kaedah untuk mengurangkan masalah banjir kilat ialah;

- a) Kerja-kerja cuci gali sungai-sungai utama dan anak-anak sungai.
 - b) Kerja-kerja pengukuhan tebing bagi mengelakkan limpahan air sungai.
 - c) Menaik taraf bang sungai yang runtuh serta meningkatkan paras ban.
 - d) Kerja-kerja pemasangan '*flapgate*' di sistem saluran yang melibatkan isu '*backflow*' air sungai ke kawasan perumahan.
- b) Perbelanjaan yang digunakan untuk menyelenggara sungai, longkang dan parit bagi JPS Hulu Langat pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

TAJUK KERJA	PERUNTUKAN 2017 (RM)
Penyelenggaraan sungai	1,400,000.00
Penyelenggaraan Kolam	1,400,000.00
Kerja-kerja berkala dan Risiko Banjir	4,500,000.00

manakala penyelenggaraan parit dan longkang bagi Taman/Kampung adalah di bawah PBT.

MAKLUMAT TAMBAHAN

	KERJA BERKALA	KOS (RM)	CATATAN
2016	Pembersihan rezab parit utama Semenyih	45,290.00	12 Pusingan (Jan-Dis)
	Pembersihan rezab sungai Semenyih dan sungai Purun	66,946.42	12 Pusingan (Jan-Dis)
	Pembersihan rezab sungai Sompo dan sungai Beranang	73,900.00	12 Pusingan (Jan-Dis)
	JUMLAH	186,136.42	

	KERJA INDEN	KOS (RM)	CATATAN
2016	Penyelenggaraan kawasan sungai Jai	16,800.00	
	Penyelenggaraan parit utama di Kampung Rinching Hulu	13,800.00	
	Pengukuhan sungai Semenyih di Kg. BT.3	19,500.00	
	pembersihan dan pengorekan parit di kampung sungai machang	15,750.00	
	pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di sungai pening-pening	19,305.00	
	pengorekan sungai rinching di kampung rinching tengah	18,150.00	
	pengorekan sungai jai	19,150.00	
	pengorekan sungai beranang	19,150.00	
	pengorekan sungai jernih, kampung sesapan batu rembau	18,650.00	
	penyelenggaraan selepas banjir dan pengorekan saliran di kampung rinching hilir	19,150.00	
	pengorekan sungai rinching di kampung rinching tengah	18,150.00	
	JUMLAH	197,555.00	

	KERJA BERKALA	KOS (RM)	CATATAN
2017	pembersihan rezab parit utama Semenyih dan sungai Purun	66,000.00	12 Pusingan (Jan-Dis)
	pembersihan rezab sungai Sompoo dan sungai Jai	69,540.00	12 Pusingan (Jan-Dis)
	JUMLAH	135,540.00	

	KERJA INDEN	KOS (RM)	CATATAN
2017	penyelenggaraan dua buah kolam takungan semenyih impian 1 & 2	18,650.00	
	penyelenggaraan kolam takungan pelangi semenyih dan bandar rinching	18,650.00	
	penyelenggaraan tebing dikampung sungai kembang hulu dan kampung desa mahkota	18,650.00	
	penyelenggaraan tebing sungai jernih, kampung sesapan batu rembau	18,650.00	
	penyelenggaraan tebing sungai beranang, kampung sesapan batu rembau	18,650.00	
	penyelenggaraan tebing sungai purun	18,650.00	
	JUMLAH	111,900.00	

Maklumat terperinci bagi kerja menaik taraf Sungai Semenyih adalah seperti berikut:

TAJUK KONTRAK : PROJEK RTB SUNGAI SEMENYIH
 NO. KONTRAK : JPS/N/SEL/SG/22/2016
 NAMA PEMBORONG : ZAFABINA SDN BHD
 TARIKH MILIK TAPAK : 1 NOVEMBER 2016
 TARIKH SIAP : 4 APRIL 2018
 HARGA KONTRAK : RM 4,754,100.00

SKOP KERJA

- a) Revetment Wall – Armour Rock Section (ch 0 –ch 600)
 - b) Composite Geo Bags – (ch 2500-ch2525)
 - c) Counterfort Wall – (ch 2800-ch 2875)
 - d) Drop Control Structure (ch 3150)
 - e) Road Works (yang kritikal sahaja)
 - f) Desilting Sungai Rinching - (100,000m2)
-
- b) Bagi tahun 2017, peruntukan yang disediakan bagi penyelenggaraan membaiki longkang adalah sebanyak RM500,000.00. Bagi kerja-kerja menaik taraf longkang adalah sebanyak RM400,000.00 untuk tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : MASTER TITLE PUTRA PERDANA

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini proses penyelesaian masalah *Master Title* Putra Perdana?
- b) Apakah perkara yang masih menjadi halangan untuk perkara ini diselesaikan?
- c) Bilakah jangkaan tarikh permasalahan ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya, Projek Pembangunan Putra Perdana adalah satu projek perumahan dalam skala yang agak besar. Projek ini melibatkan urusan tanah yang melibatkan 12 plot kesemuanya. Daripada jumlah tersebut hanya 5 lot yang telah selesai urusan tanah. Manakala baki 7 lot masih belum selesai dan sedang dalam tindakan pihak-pihak yang terlibat.

Butiran Plot adalah seperti berikut:-

BIL.	PLOT	HAKMILIK INDUK	CATATAN
1.	A	PN 39250 Lot 14000	SELESAI – hak milik asal telah dibatalkan dan hak milik individu telah dikeluarkan.
2.	B	PN 39251 Lot 14001	SELESAI – bagi Fasa 1 sahaja dan hak milik asal telah dibatalkan manakala bagi Fasa 2 dan 3 telah dimohon semula melalui permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah negara.
3.	C	PN 39252 Lot 14002	BELUM SELESAI – hak milik asal tidak dapat dibatalkan kerana terdapat kaveat persendirian.
4.	D	PN 39253 Lot	SELESAI – hak milik asal telah dibatalkan.

BIL.	PLOT	HAKMILIK INDUK	CATATAN
		14003	

BIL.	PLOT	HAKMILIK INDUK	CATATAN
5.	E	PN 39254 Lot 14004	BELUM SELESAI – hak milik asal tidak diserahkan dan bayaran premium juga tidak dibayar dan telah luput.
6.	F	PN 39255 Lot 14005	BELUM SELESAI – premium tidak dibayar dan telah luput tempoh pada 1 Mei 2002.
7.	G	HSD 2479 PT 6256 (Lot 14006)	SELESAI – hak milik asal telah dibatalkan dan 619 hak milik baru telah didaftarkan.
8.	H	PN 39256 Lot 14007	SELESAI – hak milik asal telah dibatalkan dan hak milik individu telah dikeluarkan.
9.	I	PN 39257 Lot 14008	BELUM SELESAI – Tanah Rizab Melayu.
10.	J	PN 39259 Lot 14010	BELUM SELESAI
11.	K	PN 39258 Lot 14009	BELUM SELESAI
12.	L	PN 39260 Lot 14011	BELUM SELESAI

- Plot yang telah selesai urusan tanah adalah Plot A, B, D, G dan H. Plot-plot tanah yang tidak selesai adalah dimiliki oleh Syarikat Continental Height (Plot C, E dan F) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) (Plot I, J, K dan L).
- Syarikat Kenshine Corporation Sdn. Bhd. (pemaju) telah digulung dengan Perintah Mahkamah pada 8 September 2016 dan pihak Mahkamah telah melantik Ler Lum Advisory Services Sdn. Bhd. sebagai *Liquidator*.

4. Permohonan baru hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Daerah/Tanah Sepang agar Notis 5A (Bayaran Premium) dapat dikeluarkan bagi mengatasi masalah ini. Hakmilik Individu akan dikeluarkan sekiranya premium dijelaskan dan *Master Title* dibatalkan.

- b) Sekiranya pemilik tanah mengemukakan permohonan baru untuk diproses, perkara yang menjadi halangan adalah:
 - i. Bayaran premium yang dikenakan berdasarkan kepada penilaian semasa.
 - ii. Terdapat banyak Kaveat dalam *Master Title*. Kesukaran untuk mendapatkan kebenaran dalam masa yang singkat.

- c) Permasalahan ini dapat diselesaikan sekiranya Pemilik Tanah iaitu Kenshine Corporation dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) mengambil tindakan yang proaktif dalam menangani permasalahan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENGGANTI KELAPA MATAG

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jabatan Pertanian Negeri sedar akan kesukaran mendapatkan bekalan benih kelapa matag, oleh itu apakah langkah lain yang akan diambil oleh jabatan untuk memperkenalkan baka benih kelapa lain kepada pekebun kelapa selain dari kelapa pandan?

JAWAPAN:

- a) Fungsi pengeluaran benih kelapa diletakkan di bawah Jabatan Pertanian Persekutuan manakala Jabatan Pertanian Negeri berperanan dalam mengembangkan industri. Kekurangan benih kelapa terutama sekali kelapa matag menjadi masalah kerana bekalan yang diperlukan di Selangor adalah sekitar 20,000 biji setahun tetapi bekalan yang diperolehi hanya 5,000 biji.

Berkenaan dengan pengenalan beberapa baka benih kelapa lain selain Pandan, Jabatan Pertanian Selangor hanya akan mengesyorkan baka kelapa yang telah disahkan oleh Bahagian Kawalan Kualiti Tumbuhan (BKKT), Jabatan Pertanian Malaysia. Terdapat baka-baka yang masih di peringkat penilaian seperti baka SGG. Jabatan Pertanian Selangor tidak akan keberatan mengesyorkan baka seperti SGG setelah baka ini disahkan dan diluluskan oleh BKKT untuk ditanam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : LEBUH RAYA BERTOL DI NEGERI SELANGOR

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini projek Lebuhraya DASH, SKIP, EKVE dan SUKE.
- b) Adakah terdapat lebuhraya baru dalam perancangan untuk ganti KIDEX yang telah dibatalkan?
- c) Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam meluluskan pembinaan lebuhraya-lebuhraya tersebut?

JAWAPAN:

- a) Perkembangan terkini projek lebuhraya DASH, SKIP, EKVE dan SUKE yang dimaklumkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah seperti berikut:

BIL.	LEBUH RAYA	STATUS TERKINI
1.	Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH)	Sehingga akhir bulan September 2017, kemajuan kerja sebenar bagi projek Lebuhraya DASH adalah 16.04% berbanding kemajuan yang dijadualkan sebanyak 16.45%. Kelewatan sebanyak 0.41%. Kerja-kerja yang sedang giat dijalankan di tapak adalah pembersihan tapak, geoteknikal, pelan pengurusan trafik (TMP), substruktur (<i>borepile</i> dan <i>pilecap</i>), struktur (<i>pier column</i>) dan kawalan alam sekitar.
2.	Lebuhraya Serdang – Kinrara - Putrajaya (SKIP)	Ditangguhkan dan tidak diteruskan

BIL.	LEBUH RAYA	STATUS TERKINI
3.	East Klang Valley Expressway (EKVE)	Sehingga akhir bulan September 2017, kemajuan kerja sebenar adalah sebanyak 29.13% berbanding kemajuan yang dijadualkan sebanyak 29.11%. Mendahului jadual sebanyak 0.02%. Kerja-kerja yang sedang giat dijalankan di tapak adalah kerja tanah, kerja geoteknikal, pelan pengurusan trafik, substruktur (<i>borepile</i> dan <i>pilecap</i>), struktur (<i>pier column</i>) dan kawalan alam sekitar di sekitar tapak projek.
4.	Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE)	Sehingga akhir bulan September 2017, kemajuan kerja sebenar adalah sebanyak 17.26% berbanding kemajuan yang dijadualkan sebanyak 17.07%. Mendahului jadual sebanyak 0.19%. Kerja-kerja yang sedang giat dijalankan di tapak adalah pembersihan tapak, penyiasatan tapak (SI), pelan pengurusan trafik, kerja-kerja <i>borepile</i> dan kawalan alam sekitar di sekitar tapak projek.

- b) Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menggantikan lebuhraya KIDEX yang telah dibatalkan.
- c) Kekangan yang dihadapi untuk pembinaan lebuhraya-lebuhraya tersebut adalah seperti berikut:
- 1) Jajaran yang merentasi kawasan-kawasan yang sensitif contohnya jajaran yang melalui kawasan hutan simpan.
 - 2) Jajaran yang merentasi kawasan perumahan dan kemudahan utiliti sedia ada.
 - 3) Bantahan oleh komuniti setempat, NGO alam sekitar dan aktivis sosial daripada pelbagai lapisan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KOLAM RENANG DI KOMPLEKS SUKAN PANDARAMAN

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kerja memperbaiki kolam renang di Kompleks Sukan Pandamaran?
- b) Kerja-kkerja dijangka siap pada bulan September 2017 tetapi masih belum siap sehingga kini. Apakah sebab?
- c) Bila kerja-kkerja akan disempurnakan dan kolam dapat dibuka semula kepada orang awam?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kkerja pembaikan Kolam Renang Kompleks Sukan Pandamaran melibatkan kerja-kkerja sivil dan mekanikal telah disiapkan sepenuhnya pada 25 Oktober 2017.
- b) Kerja sivil telah siap pada 25/08/2017 manakala kerja-kkerja mekanikal dikendalikan oleh pihak JKR siap pada 19/10/2017 dan telah diserahkan kepada Majlis pada 25 Oktober 2017.

Kerja-kkerja telah disiapkan pada Oktober 2017 berbanding dengan tarikh perancangan awal bulan September 2017 kerana mengambil kira:-

- Proses reka bentuk, pengiklanan dibantu oleh pihak JKR.
 - Masa yang munasabah untuk melaksanakan kerja tersebut.
- c) Majlis akan membuat serahan kepada pihak MSN pada bulan November 2017. Pihak MSN akan mengendalikan urusan termasuk pembukaan kepada orang awam selepas itu.